



KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

LAPORAN SIASATAN EAIC MENGENAI KEGAGALAN PEGAWAI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) DALAM MENGEMASKINI DAN MENGISYTIHARKAN PELUPUSAN HARTA DALAM SISTEM HRMIS

***UNTUK SIARAN SEGERA
30 MEI 2025***

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) telah menerima aduan terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPJ Kuala Lumpur) melibatkan beberapa nombor pendaftaran kenderaan. Siasatan ini dijalankan berdasarkan kepada aduan yang diterima mengikut subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700].

HASIL SIASATAN

Siasatan mendapati bahawa terdapat beberapa kenderaan atas nama Pegawai JPJ KL masih belum diisytiharkan lupus melalui sistem HRMIS walaupun kenderaan tersebut telah tidak berada dalam pemilikannya dalam satu tempoh masa yang lama. Hal tersebut sekaligus telah melanggar subperaturan 10(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

Sehubungan itu, EAIC Sehubungan itu, EAIC memutuskan untuk merujuk hasil siasatan tersebut di atas kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) JPJ dengan cadangan Surat Teguran diberikan kepada pegawai-pegawai JPJ yang terlibat.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**

Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, EAIC di talian 03 8880 5719 / 03 8880 5721 / 03 8880 5731.